| C/N   | <i>Carbon/Nitrogen</i>                                |
| ppm   | <i>part per million</i>                               |
| "     | <i>Inch</i>                                           |
| TS    | Tidak Signifikan                                      |
| *     | Signifikan                                            |
| LSD   | <i>Least Significant Difference</i>                   |
| MR    | Mesokarpa Rebus                                       |
| MTR   | Mesokarpa Tidak Direbus                               |

## BAB 1

### Pengenalan

Sayur - sayuran merupakan antara salah satu tanaman makanan yang terdapat di Malaysia selain daripada tanaman padi, buah-buahan, kelapa, bunga-bunga, herba dan rempah ratus (Jabatan Pertanian Negeri Perak, 2006). Merujuk kepada statistik tanaman, penggunaan per kapita bagi sayur-sayuran adalah 55.3 (kg/org/thn) pada tahun 2011 dan meningkat kepada 58.5 (kg/org/thn) pada tahun 2014 (FAMA, 2014). Malaysia juga merupakan antara salah satu negara pengimport sayur-sayuran dari negara-negara lain seperti China, Singapura dan India (Kementerian Pertanian Industri Asas Tani, 2011). Kuantiti import bagi sayur-sayuran juga semakin meningkat daripada 1,358 tan metrik pada tahun 2011 dan 1,475 tan metrik pada tahun 2014 (Jabatan Pertanian Pulau Pinang, 2015).

Tanaman cili merupakan tanaman sayur-sayuran yang mendapat sambutan daripada kalangan para petani dan para usahawan. Johor, Kelantan dan Perak merupakan pengeluar utama cili (Jabatan Pertanian Kedah, 1997). Jangka masa bagi tanaman cili adalah lebih kurang 5 bulan. Tanaman cili secara konvensional atau tanaman yang menggunakan tanah sebagai medium tanaman masih dipraktikkan oleh para petani hingga ke hari ini. Namun, terdapat banyak masalah penyakit bawaan tanah seperti *Pythium*, *Fusarium*, *Rhizoctonia* dan penyakit layu bakteria (MARDI, 2009).

Kos pembajaan, pengairan, medium penanaman, kawalan perosak dan penyakit meningkatkan lagi jumlah kos bagi tanaman cili. Pada tahun 2012, jumlah kos bagi tanaman cili adalah RM 30,913 dengan pendapatan bersihnya sebanyak RM25,087. Keluasan tanaman juga merupakan antara salah satu faktor kos tanaman cili meningkat (Jabatan Pertanian Negeri Kedah, 2015).



Kultur tanpa tanah merupakan kaedah penanaman yang tidak menggunakan tanah (Michael dan Heinrich, 2008). Kaedah fertigasi merupakan salah satu kaedah tanaman kultur tanpa tanah yang mempunyai sistem teknologi tinggi yang mendapat sambutan dalam kalangan para petani dan para usahawan. Medium penanaman yang selalu digunakan dalam kaedah fertigasi ialah habuk sabut kelapa (*cocopeat*) yang digunakan secara meluas di Semenanjung Malaysia kerana kosnya yang lebih murah berbanding kosnya yang agak mahal di Sabah (GM Peladang, 2015).

Medium mesokarpa juga merupakan medium fertigasi yang sesuai digunakan bagi tanaman cili selain harganya yang jauh lebih murah dan mudah diperolehi di Sabah berbanding medium habuk sabut kelapa. Penggunaan medium mesokarpa dapat membantu para petani dan para usahawan dengan mengurangkan kos bahan fertigasi dan pengawalan penyakit bawaan tanah.

Seterusnya ditambah dengan penggunaan mikroorganisma berkesan dalam kaedah fertigasi boleh meningkatkan kesihatan dan hasil tanaman dengan meningkatkan kadar proses fotosintesis, menghasilkan bahan bioaktif seperti hormon dan enzim, mempercepatkan kadar pereputan bahan organik dan mengawal penyakit bawaan tanah. Kaedah fertigasi yang menggunakan kos bahan yang rendah dan mengeluarkan hasil yang tinggi menarik lagi minat para petani, para usahawan dan golongan belia untuk menceburkan diri dalam bidang ini (Hussain *et al.*, 2002).

## **1.2 Justifikasi Kajian**

Kajian ini dijalankan agar dapat membantu para petani mengurangkan kos bahan melalui penggunaan medium mesokarpa yang jauh lebih murah dan mudah diperolehi berbanding medium *cocopeat*. Penggunaan mikroorganisma berkesan dalam medium fertigasi juga diharap dapat memperbaiki struktur fizikal, kimia dan biologi mesokarpa agar boleh digunakan dan memanjangkan hayat mesokarpa. Secara tidak langsung meningkatkan pertumbuhan dan hasil cili.



### 1.3 Objektif Kajian

- i. Untuk mengkaji kesan medium mesokarpa terhadap pertumbuhan dan hasil cili (*Capsicum annum*) dalam sistem fertigasi.
- ii. Untuk mengkaji kesan mikroorganisma berkesan (EM) terhadap pertumbuhan dan hasil cili (*Capsicum annum*) dalam sistem fertigasi.

### 1.4 Hipotesis Kajian

H<sub>0</sub>: Medium mesokarpa dan mikroorganisma berkesan tidak memberi kesan yang positif terhadap pertumbuhan dan hasil cili (*Capsicum annum*) dalam sistem fertigasi.

H<sub>a</sub>: Medium mesokarpa dan mikroorganisma berkesan memberi kesan yang positif terhadap pertumbuhan dan hasil cili (*Capsicum annum*) dalam sistem fertigasi.

## BAB 2

### ULASAN PERPUSTAKAAN

#### 2.1 Cili

##### 2.1.1 Penanaman Cili di Malaysia

Cili atau nama saintifiknya *Capsicum annum* ialah sejenis sayuran berbuah daripada keluarga *solanaceae* (Jabatan Pertanian, 2015). Cili dipercayai berasal dari Mexico dan Amerika Selatan dan telah ditanam secara meluas di serata dunia terutamanya di kawasan beriklim tropika (MARDI, 2009). Cili terdiri daripada pelbagai spesis dan varieti. Namanya berasal dari bahasa *Nahuatl* melalui perkataan Sepanyol Chile. Di Malaysia, cili ditanam di tanah rendah dan kawasan pengeluaran utama adalah di Johor, Kelantan dan Perak. Umumnya penduduk Malaysia menggunakan 33,000 tan cili setahun (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2015).

Berdasarkan ciri – ciri morfologi, cili adalah sejenis tanaman yang tumbuh menegak. Tanaman cili dapat mencapai ketinggian sebanyak 120 sm dan lebar 90 sm. Cili juga memiliki akar serabut yang terdiri dari akar utama dan lateral. Akar cili mampu menembus ke dalam tanah sehingga 50 sm dan melebar sehingga 45 sm (Jabatan Pertanian Daerah Manjung, 2010). Batangnya bercabang dan berwarna hijau manakala buku batang cili berwarna hijau atau ungu bergantung kepada kultivar cili itu sendiri (MARDI, 2009). Tanaman ini juga mempunyai bentuk daun *broad ovate* yang berwarna hijau muda ke hijau tua dan warna bunga putih keluar dari ketiak dahan yang berbentuk *pendant* menghasilkan buah berbentuk tirus (Baharuddin, 2005). Biji cili adalah berwarna kuning dan beratnya antara 3.5 hingga 5.0 g/1,000 biji. Cara pendebungaan bagi tanaman cili ialah melalui persenyawaan sendiri atau *self-pollinated*. Persenyawaan silang juga mungkin berlaku sehingga 30% (MARDI, 2009).





Rajah 2.1 Ciri-ciri morfologi cili Kulai 568, daunnya berbentuk *broad ovate* yang berwarna hijau cerah manakala warna bunga berwarna putih keluar dari ketiak dahan yang berbentuk *pendant* menghasilkan buah berbentuk tirus.

### 2.1.2 Keluasan Kawasan Penanaman Cili

Malaysia merupakan negara pengeksport utama seperti China, Thailand dan Vietnam (Mohd, 2006). Tanaman cili sudah lama ditanam secara meluas di Malaysia terutama di negeri Johor, Perak dan Kelantan. Pada tahun 2009, keluasan penanaman cili di Malaysia mampu merangka sehingga 2,594 hektar dan terus meningkat kepada 4,104 hektar pada tahun 2013 merujuk jadual 2.1. Pengeluaran bagi tanaman cili menunjukkan perubahan ketara pada tahun 2012 dan 2013 yang mengalami perubahan peratusan sebanyak 49.1% tan metrik (Perangkaan Agromakanan, 2014).

Johor merupakan negeri pengeluar yang terbesar di Semenanjung Malaysia diikuti negeri Kelantan dan Kedah masing-masing mempunyai keluasan penanaman cili sehingga 659 hektar, 512 hektar dan 172 hektar pada tahun 2005. Manakala, negeri Sarawak mempunyai keluasan penanaman cili mencecah sehingga 168 hektar berbanding negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2005 (Jabatan Pertanian Johor, 2015).

**Jadual 2.1 Keluasan dan pengeluaran cili pada tahun 2009 – 2014**

| Perkara                      | 2009   | 2010   | 2011   | 2012   | 2013   | 2014 <sup>e</sup> |
|------------------------------|--------|--------|--------|--------|--------|-------------------|
| Keluasan bertanam (Ha)       | 2,594  | 2,971  | 2,597  | 2,856  | 4,104  | 4,120             |
| Luas berhasil (Ha)           | 2,594  | 2,424  | 2,326  | 2,576  | 3,985  | 3,999             |
| Purata hasil (tan metrik,Ha) | 13.4   | 12.2   | 12.4   | 15.6   | 15.0   | 15.0              |
| Pengeluaran (tan metrik)     | 34,823 | 29,538 | 28,766 | 40,097 | 59,775 | 59,989            |

Sumber: Perangkaan Agromakanan, 2014

### 2.1.3 Kaedah Penanaman Cili

Penanaman cili boleh dibuat melalui dua kaedah iaitu penanaman secara ladang atau tanaman secara fertigasi. Kaedah penanaman secara ladang perlu dilihat melalui beberapa faktor seperti lokasi ladang tersebut perlu berdekatan dengan jalan raya, mudah untuk mendapatkan bekalan air dan elektrik, tanaman tidak terdedah dengan haiwan perosak, tidak terlindung daripada matahari, tidak mudah ditengalami oleh air dan tapak ladang perlulah luas dan segi empat tepat (Yaseer, 2013).

Manakala kaedah tanaman secara fertigasi telah digunapakai secara meluas ketika ini. Kaedah ini lebih jimat kerana tidak menggunakan tapak yang banyak dan mudah dijaga dan hasil pengeluaran agak memberansangkan tetapi kos menggunakan kaedah secara fertigasi ini lebih tinggi sedikit berbanding dengan kos kaedah penanaman secara ladang. Pertubuhan Peladang Kawasan (PKK) Hulu Langat menggunakan sistem fertigasi sebagai salah satu projek mereka (MARDI, 2009).

### 2.1.4 Varieti Cili di Malaysia

Antara varieti cili yang terdapat di Malaysia seperti dalam Jadual 2.2, varieti Cili MC 11 mampu menghasilkan pokok paling tinggi sehingga 200 sm manakala, varieti Cili MC 4 hanya mampu menghasilkan pokok setinggi 70 sm sahaja dibandingkan dengan varieti cili yang lain. Setiap orang mempunyai citarasa tahap kepedasan yang berbeza-beza. Cili Kulai adalah antara varieti cili yang menghasilkan rasa kepedasan yang sangat tinggi diikuti variety Cili MC5, MC 11, MC 12 dan MC 4. Ketahanan kepada penyakit juga adalah faktor yang paling penting bagi menentukan kualiti dan hasil cili. Cili Kulai mempunyai daya tahan sederhana kepada antraknos dan virus dan tahan kepada layu bakteria. Walau bagaimanapun, varieti Cili MC 11 mampu mengeluarkan hasil yang banyak sehingga 17 – 24 tan per hektar (Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, 2013).

Jadual 2.2 Varieti cili di Malaysia

| Varieti | Ciri – ciri                                                                                                                                                                           |
|---------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kulai   | -Tinggi pokok 70-80 sm, panjang buah 10-15 sm, 7-10 g/biji. Rasanya sangat pedas. Sederhana tahan kepada antraknos dan virus. Tahan kepada layu bakteria. Hasil sebanyak 15-20 tan/ha |
| MC 4    | -Tinggi pokok 60-70 sm, panjang buah 7-10 sm, 10-15 g/biji, rasa kurang pedas. Rentan pada antraknos dan virus. Hasil sebanyak 12-20 tan/ha.                                          |
| MC 5    | -Tinggi pokok 100-200 sm, panjang buah 10-157 g/biji, rasanya pedas. Rentan pada antraknos dan virus. Hasil sebanyak 15-25 tan/ha.                                                    |
| MC 11   | -Tinggi pokok 85-110 sm, panjang buah 8-20 sm, 7-10 g/biji, rasanya pedas. Rentan pada antraknos dan virus dan sedikit tahan pada Choanephora. Hasil sebanyak 17-24 tan/ha.           |
| MC 12   | -Tinggi pokok 60-80 sm, panjang buah 10-13 sm, 12-14 g/biji, rasanya pedas. Rentan pada antraknos dan Choanephora dan <i>escape</i> pada virus. Hasil 15-29 tan/ha.                   |

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, 2013




### 2.1.5 Indeks Kematangan Cili

Cili mula berbunga 60 – 75 hari selepas ditanam di ladang. Buahnya akan masak 30 – 35 hari selepas berbunga (Yaseer, 2013). Buah yang masak berwarna merah dan biasanya dituai secara (manual) setiap 3 – 4 hari sekali. Tempoh pengeluaran hasil adalah di antara 3 – 4 bulan dari tempoh hari pertama menuai hasil. Hasil cili bergantung kepada kultivar yang ditanam (Anim, 2014). Peringkat yang sesuai untuk menuai hasil cili bagi kegunaan segar ialah buah berwarna hijau tua kemerahan. Manakala bagi cili untuk diproses atau dijadikan cili kering, peringkat yang sesuai untuk dituai ialah apabila berwarna merah sepenuhnya. Cili dipetik dengan tangan bersama tangkainya sekali. Sebaik- baiknya kerja-kerja menuai hasil dilakukan pada waktu atau lewat petang ketika suhu rendah (Jabatan Pertanian Kedah, 2009).

Terdapat enam indeks kematangan yang menggambarkan tahap kematangan yang berlainan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.3 (Siti, 2003).


Jadual 2.3 Indeks dan ciri-ciri kematangan cili

| Indeks                                                                              | Ciri – ciri                                                  |
|-------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|
| Satu (tidak matang)                                                                 | -kulit berwarna hijau muda<br>-dipasarkan sebagai cili hijau |
|  |                                                              |
| Dua (matang)                                                                        | -kulit berwarna hijau tua<br>-keadaannya berkilat            |
|  |                                                              |

---

Tiga (cukup matang)

-kulit kelihatan berwarna merah dan hijau



Empat (cukup matang)

-kulit cili berwarna merah kehitaman (hampir masak)



Lima (cukup matang)

-kulit cili berkenaan berwarna merah sepenuhnya



Enam (cukup matang)


-kulit cili berkenaan berwarna merah kehitaman

---





Sumber: Siti Hawa, 2003



Rajah 2.2 Buah cili disusun daripada tidak matang hingga cukup matang berdasarkan indeks kematangan cili.

### 2.1.6 Masalah Penanaman Cili

Terdapat beberapa masalah dalam penanaman cili di Malaysia antaranya serangan makhluk perosak dan penyakit. Antara jenis serangan makhluk perosak dan juga penyakit yang biasa terdapat dalam tanaman cili adalah seperti dalam Jadual 2.4.



- Dennis, R.D., J.K. Michael and G.H. Patrick. 1989. Mulch surface color affects yield of freshmarket tomatoes. *Journal American Society of Horticultural Science* **114**: 216 – 219
- Evbuomwan B. O., Agbede A. M., and Atuka M. M. 2013. A comparative study of the physico-chemical properties of activated carbon from oil palm waste (kernel shell and fibre). Department of Chemical Engineering, University of Port Harcourt, Rivers State, Nigeria
- Fauzi. I. Y. 2004. *Kelapa Sawit*. Jakarta: Penebar swadaya. Gessert, George. 1976. Measuring Air Space and Water Holding Capacity. *Ornamentals Northwest*. **3**:59-60.
- H.M.Faizal, Z.A. Latiff, Mazlan A Wahid dan Darus A.N. 2009 Physical and combustion characteristics of biomass residues from palm oil mills. ISSN 1792-4596
- Handreck, K.A. dan N.D. Black, 2007. Growing Media for Ornamental Plants and Turf. 3rd Edn.UNSW Press, Sydney
- Hawa, S.2015, April 29. Retrieved from academia.edi: [https://www.academia.edu/5829123/PELAN\\_PEMASARAN\\_KOMODITI\\_CILI](https://www.academia.edu/5829123/PELAN_PEMASARAN_KOMODITI_CILI)
- Higa, T. 1991. Effective microorganisms:A biotechnology for mankind. p. 8-14. *In* J.F. Parr, S.B. Hornick, and C.E. Whitman (ed.) Proceedings of the First International Conference on Kyusei Nature Farming. U.S. Department of Agriculture, Washington, D.C., USA.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014. Malaysia indikator pertanian terpilih 2014, 21- 29. Malaysia
- Jabatan Perdana Menteri, 2012. Laporan tahunan program transformasi ekonomi Malaysia 2012, 98. Kipp. J. A., Wever. W. dan de Kreij. C. 2000. International substrate manual, Elsevier international business information, PO Box 4, 7000 BA, Doetinchem, the Netherlands.
- Jabatan Pertanian Daerah Manjung. 2010. Panduan menanam cili. Malaysia
- Jabatan Pertanian. 2015. Perangkaan Tanaman Sayur-sayuran Dan Tanaman Ladang. <http://www.doa.gov.my/web/guest/data-perangkaan-tanaman> diakses pada 13 September 2016. Diperakui pada 10 Januari 2013.
- Johnson, D.C dan Deecoteau, D, R, (1996). Nitrogen and Potassium fertility affects japaleno pepper plant growth, fruit yield and pungency. *Hortsci*. **31**:1119-23
- Kadam, P.X., D.P. Bhore, N.S. Shirsoth and D.A. Rana. 1985. Effect of different levels of potash on yield of chilli var. Jwala. *Maharashtra Journal of Agriculture Dune* **411**: 005 (*Hort. Abstr.* 55: 6933)
- Klute, A. dan Dirksen, C. (1986). Hydraulic conductivity and diffusivity: Laboratory methods. In *Methods of Soil Analysis. Part 1 Physical and Mineralogical*
- Kristijono. A. 2010. Tinjauan pustaka. Pemanfaatan gambut sebagai media tumbuhan bituman (biji tumbuh mandiri dalam rangka mendukung kegiatan rehabilitasi lahan kritis), **19**.
- Lasupu. B. 2005. Ulasan Literature. Pengaruh media penanaman terhadap hasil tanaman cili dalam sistem fertigasi, **6**.

- Lim Siong Hock, Azhari Samsu Baharuddin, Mohd Najib Ahmad, Umi Kalsom Md Shah, Nor'Aini Abdul Rahman, Suraini Abd-Aziz, Mohd Ali Hassan dan Yoshihito Shirai. 2009. Physicochemical changes in windrow co-composting process of oil palm mesocarp fiber and palm oil mill effluent anaerobic sludge. *Australian journal of basic and applied sciences*, **3(3)**: 2809-2816, 2009 ISSN 1991-8178 Instinet Publication
- Lin, C., 2008. A negative pressure aeration system for composting food wastes: *Bioresource Technology*, **99**: 7651-7656. DOI:10.1016/j.biortech.2008.01.078
- Locascio, S.J., J.G.A Fiskel and R.D. Hauck. 1985. Nitrogen accumulation by pepper as influenced by mulch and time of fertilizer applications. *Journal American Society of Horticultural Science* **110**: 325 – 328
- Madu, P. C.1 dan Lajide, L. (2013): Physicochemical characteristics of activated charcoal derived from melon seed husk. *Journal of Chemical and Pharmaceutical Research*, 2013, **5(5)**:94-98.
- Mahamud Shahid, Jamaludin Salim, Mohamad Roff Mohd. Noor, Ab. Halim Ab. Hamid, Mohammad Abd Manas dan Suwardi Afandi Ahmad. 2009. *Manual Teknologi Fertigasi Penanaman Cili, Rockmelon dan Tomato*. MARDI, Serdang.
- Mahamud, S., Jamaludin, S., Mohamad Roff, M.N., Ab Halim, A.H., Mohamad, A.M. dan Suwardi, A.A. 2009. *Manual Teknologi fertigasi penanaman cili, rockmelon dan tomato* **94** hlm. Serdang: MARDI
- Mahamud Shahid et al. 2007. *Manual Teknologi Sistem Fertigasi Pengeluaran Tanaman Kawasan Tanah Rendah*. MARDI
- Max, J. f. J., Horst, W. J., Mutwiwa, U. N dan Tantau, H. J. 2009. Effects of greenhouse cooling method on growth fruit yield and quality of tomato (*Solanum Lycopersicum* L) in a tropical climate. *Scientia Horticulturae* **122(2)**: 179-186
- Michael, R. dan J. H. Lieth (2008). *Soilless Culture: Theory and Practice*. 1st Edition. Elsevier.
- Michel, J.C., L.M. Riviere dan M.N. Fontaine, 2001. Physical properties of peat: A key factor in their use as growing media. *Eur. J. Soil Sci.*, **52**: 1-7. [http://www.poletourbieres.org/docs/Lamoura\\_Michel\\_eng.pdf](http://www.poletourbieres.org/docs/Lamoura_Michel_eng.pdf)
- Michiels, P., R Hartman dan C. Causses. 1993. Physical properties of peat substrates in an EBB/Flood irrigation system. *Acta Hart*. **342**: 205-219.
- Mitsuo, I. and Q.B. Le. 1978. Effects of mulching with black plastic film and rice straw on moisture and temperature in soil Melon Delta. *Japanese Journal of Tropical Agriculture* **31**: 77 – 81
- Mohammad. Y. J. 2008. Teknologi terkini pertanian tempatan, **12-13**
- Mohd Ashraf Haji Shuib. 2008. *Panduan asas tanaman cili secara fertigasi*. AbiAgro Sdn. Bhd.
- Mohd Ashraf Hj. S. 2000. *Panduan Asas Tanaman Secara Fertigasi*.
- Mohd Fairuz Affandi Bin Aziz. 2007. *Pengelasan dan pencirian sampel tanah menggunakan gelombong mikro*.
- Morgan, L. 2003. Hydroponic substrates. *The Growing Edge* **15(2)**: 54-66

- Nash, M.A. dan F.A. Pokorny, 1990. Shrinkage of selected two-component container media. *Hort Sci.* **28**: 930-931.
- Netherland. Paino Porrasoy Jyvaskyla, Finland. Simamora, S. dan Salundik. 2006. Meningkatkan kualiti kompos. *Agromedia Pustaka*. Jakarta.
- Noguera, P., M. MAD, V. Noguera, R Puchades dan Maquieira. 2000. Coconut coir waste, a new and viable ecologically-friendly peat substitute. *Acta Hart.* **517**: 279-286.
- Noor Akhmazillah Bt M ohd Fauzi. M. R. 2011. Trace metals content (contaminants) as initial indicator in the quality of heat treated palm oil whole extract, **674**.
- Nordin. M. F. 2005. Sistem fertigasi. Projek Penanaman cili menggunakan kaedah sistem fertigasi, 12. Panitia Sains Pertanian. 2002. *Pertanian di Malaysia*. 22
- Olfati, J.A. 2015. *Design and preparation of nutrient solution used for soilless culture of horticultural crops*. University of Guilan, Faculty of Agriculture, Horticultural Department, Rasht, Iran
- Osama K. Nusier, 2003. Influence of peatmoss on hydraulic properties and strength of compacted soil. *Canadian Journal of Soil Science*
- Pokorny, F.A., Gibson, P.G. dan Dunavent, M.G. (1986). Prediction of bulk density of pine bark and/or sand potting media from laboratory analyses of individual components. *J. Amer. Soc. Hort. Science.* **111**, 8-11.
- Rabumi. W. 1998. Chemical composition of oil palm empty fruit bunch and its decomposition in the field.
- Raviv. M, Lieth. J. H, Burger. D.W. dan Wallach. R. 2001. Optimization of transpiration and potential growth rates of 'kardinal' rose with respect to root-zone physical properties. *Am. Soc. Hort. Sci.* **126**, 638-643.
- Raviv.M, Leith. J. H. 2008. *Soiless culture theory and practice*. United Kingdom: Elsevier.
- Richards, D.M.L. dan D.V. Beardsell, 1986. The influence of particle-size distribution in pinebark: sand: Brown coal potting mixes on water supply, aeration and plant growth. *Sci. Hortic.* **29**: 1-14
- Rincon. G. 2012. *Comparative behavior of agricultural biomass residues during thermochemical processing*, 111-117.
- Satisha, G.C. dan L. Devarajan, 2007. Effect of amendments on windrow composting of sugar industry pressmud: *Waste management.* **27**:1083-109 DOI:10.1016/j.wasman.2006.04.020.
- Schales, F.D. and R. Sheldrake. 1965. Mulch effects on conditions and muskmelon response. *Proceeding of American Horticultural Science* **188**: 425 – 480
- Schalk, J.M., C.S. Creigation, R.L. Fery. W.R. Sitterly, B.W. Dewis, T.L. McFadden and Augestine day. 1979. Reflective film mulches influences insect control and and yield in vegetables. *Journal American Society of Horticultural Science* **104**: 759 – 762
- Schlechte, G.B. 1997. Trouble creating fungi in peat of horticultural use. In Schmilewski, G. Ed. In Proc. Of the Int. Peat Conference: *Peat in Horticultureits Use and Sustainability*.Ed. G. Schmilewski, p. 89-93. 2-7 Nov. Amsterdam,

- Shearman, R.C, D.H. Steinegger, E.J. Kinbacher and T.P. Riordan. 1979. A comparison of turfgrass clippings, oat straw and alfafa as mulching material. *Journal American Society of Horticultural Science* **104**: 461 – 463
- Shinoj S., R. Visanathan, S. Panigrahi dan M. Kochubabu. 2011. *Oil Palm Fibre (OPF) and its Composites : A Review. Industrial Crop and Products*, **33**:7-22
- Suhaizah Binti Lob. 2009. Kesan interaksi mikoriza, serta penggunaan vermikompos dan baja kimia pada paras berbeza terhadap 3 varieti cili tempatan. **6**.
- Sunarko. M. 2010. Panduan praktikal perusahaan dan pengolahan kelapa sawit. *Synergy Media*.
- Tiona, R. Cooper H Langford, dan Apostolos Kantzas. 2003 Pore-scale redistribution of water during wetting of air-dried soils as studied by low-field nmr relaxometry. *Environ. Sci. Technol*, **37**, 2707-2713
- Then Kek Hoe. 2014. Utilization of oil palm fruit mesocarp fibres waste as growing media for banana tissue culture seedling in Malaysia. *Journal of Advance Agriculture Technology* vol. **1**, no 1
- Whipps, J.M. 1992. Status of biological disease control in horticulture. *Biocontrol Science and Technology* **2**: 3 – 24
- Yahya, A., H. Safie dan M.S. Mohklas, 1999. Growth and flowering responses of potted chrysanthemum in a coir dust-based medium to different rates of slow released-fertilizer.J. *Trop. Agric. Food Sci.*, **27**: 39-46.  
<http://direct.bl.uk/bld/PlaceOrder.do?UIN=109629923&ETOC=RN>
- Yaseer Suhaimi, M., Mahamud, S. dan Mohamad, A.M. 2012. Penyediaan anak benih cili yang seragam. *Buletin Teknologi M5ARDI Bil. 1*: 85 – 88
- Yaseer Suhaimi, M., Mahamud, S., Mohamad, A.M dan Kadir, Y. 2012. Penanaman cili menggunakan sistem fertigasi terbuka. *Buletin Teknologi MARDI Bil 1*:89 – 96
- Yusoff. Z. 2012. Review of research activities on Malaysian Palm oil-based green technology, **90**
- Zulkarami B. Ashrafuzzaman. M., Razi. M. 2010. Morpho-physiological growth, yield and fruit quality of rock melon as affected by growing media and electrical conductivity. *Journal of Food, Agriculture & Environmental* vol. **8** (1): 249-252